

# Penyenaraian program MBA: Kedudukan universiti setempat bertambah baik

KEDUDUKAN sekolah perniagaan utama setempat bertambah baik dalam penyenaraian program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) sejagat tahunan *Financial Times* (FT).

Menurut kenyataannya semalam, Sekolah Perniagaan Nanyang Universiti Teknologi Nanyang (NTU) berada di tempat ke-24 bersama dengan Sekolah Perniagaan Fuqua Universiti Duke di Amerika Syarikat – membaiki kedudukan daripada tangga ke-29 pada tahun lalu.

Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS) pula naik ke tempat 26, berbanding tempat ke-32 tahun lalu.

Insead pula dinamakan sekolah perniagaan terbaik di dunia buat dua tahun berturut-turut.

Ia dipuji kerana memiliki budaya antarabangsa yang kukuh kerana memiliki kampus di Perancis dan Singapura di samping rangkaian alumni yang luas.

FT turut menyenaraikan Insead di tempat ketiga kerana mobiliti antarabangsa dan di tempat keenam dari segi pengalaman kursus antarabangsa.

Sementara itu, Sekolah Perniagaan Stanford disenaraikan di tempat kedua berbanding tempat kelima sebelum ini, manakala Sekolah Wharton di bawah Universiti Pennsylvania naik ke tangga ketiga daripada tempat keempat.

Kedudukan beberapa sekolah berprestij telah merosot dalam penyenaraian tahun ini.

Kedudukan Sekolah Perniagaan Harvard jatuh dua anak tangga ke tempat keempat buat kali pertama dalam masa sembilan tahun ia berada pada tiga tempat tertinggi senarai itu.

Turut jatuh ialah Sekolah Perniagaan London – sebanyak tiga anak tangga ke tempat keenam – sekali gus menunjukkan prestasi paling teruk dalam masa 14 tahun.

Penyenaraian FT adalah berdasarkan tinjauan ke atas sekolah perniagaan dan lulusan sekolah itu pada 2013.

Program MBA pula dinilai menurut kemajuan kerjaya alumninya, penjanaan idea sekolah itu dan kepelbagaiannya pelajar serta fakultinya.

Dari segi gaji pula, siswazah MBA daripada Stanford yang lulus selepas tiga tahun meraih gaji tahunan tertinggi secara purata AS\$195,000 (\$277,640).

Tetapi 15 program MBA teratas dipadankan secara rapat dari segi gaji, prospek kerjaya dan kepuasan, menarik perhatian BusinessBecause, sebuah laman web berita sekolah perniagaan.

Semua kecuali satu kursus MBA terbaik mempunyai gaji alumni yang melebihi AS\$150,000 – kenaikan gaji sekurang-kurangnya 100 peratus berbanding gaji sebelum memiliki MBA.

Seorang lulusan MBA NTU meraih secara purata AS\$126,218 sementara lulusan MBA NUS menerima AS\$131,760.